

Kabinet lulus Lebuhraya Pantai Barat

BH- 29/3/2007
Konsesi projek diberi kepada Konsortium LPB Sdn Bhd

Oleh Azman Zakaria
dan Zainab Mohd Yatim

KUALA LUMPUR: Kabinet semalam meluluskan cadangan pembinaan Lebuhraya Pantai Barat (LPB) yang menghubungkan Taiping, Perak dengan Banting, Selangor, kata Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Kabinet juga semalam bersetuju supaya konsesi projek itu akan diberikan kepada konsortium yang sudah dilantik sebelum ini.

"Ya, Lebuhraya Pantai Barat akan diteruskan. Kabinet memutuskan mengenainya hari ini (semalam)," katanya pada sidang media selepas menyampaikan ucap tama pada Forum Kewangan Islam Global (GIFF), di Kuala Lumpur, semalam.

Laporan akhbar minggu ini menyebut konsesi projek pembinaan le-

buh raya itu diberikan kepada Talam Corporation Bhd dan Kumpulan Europlus Bhd.

Lebuhraya Pantai Barat dirancang lebih 10 tahun lalu bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan terbabit, tetapi ditangguhkan berikutan krisis kewangan Asia 1997/98.

Ia membabitkan laluan sepanjang 215.8 kilometer dengan kos kira-kira RM3.12 bilion dan projek itu pada asalnya diberikan kepada Konsortium LPB Sdn Bhd.

Keseluruhan projek itu dijangka mengambil masa tujuh tahun, untuk disiapkan iaitu tiga tahun bagi menyiapkan laluan di Selangor dan empat tahun di Perak.

Dalam perkembangan lain, Najib berkata keputusan mencari rakan kongsi strategik Proton Holdings Bhd mungkin tidak akan diumumkan akhir bulan ini, seperti yang ditetapkan sebelumnya.

Katanya, kerajaan setakat ini belum membuat sebarang keputusan.

"Kita mungkin terlepas (tarikh akhir Mac), tetapi tidak mengapa. Masih ada masa," katanya ketika diminta mengulas bahawa masa yang ditetapkan hanya tinggal beberapa

hari saja lagi.

Diminta mengulas mengenai keyakinan DRB Hicom Bhd untuk mendapat peluang berkenaan beliau berkata: "Saya tidak tahu. Kerajaan masih belum membuat sebarang keputusan lagi".

Katanya, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) dan Kementerian Kewangan (MOF) bertanggungjawab membuat penilaian berkenaan.

Minggu lalu, Pengarah Urusan Khazanah Nasional Bhd, Datuk Azman Mokhtar, berkata kerajaan tetap dengan keputusan untuk mengemukakan rakan kongsi strategik Proton pada akhir bulan ini.

Beliau berkata, rundingan dengan Volkswagen AG (VW) dan General Motors (GM) dan syarikat tempatan masih diteruskan. Khazanah memiliki pegangan sebanyak 42.7 peratus dalam Proton.

FAKTA NOMBOR

Lebuhraya Pantai Barat

215.8km

Jarak laluan

RM3.12b

Kos projek